

## KEUNIKAN MALAYSIA DISTINCTIVELY MALAYSIA

Ciri-ciri unik yang mencorak budaya dan warisan serta keindahan alam semula jadi negara menjadi sumber inspirasi dalam reka bentuk wang kertas Malaysia siri terbaharu ini. Dengan tema 'Keunikan Malaysia', siri keempat wang kertas Malaysia ini memaparkan ekspresi tradisional berilhamkan seni dan kraftangan, keajaiban alam semula jadi, flora dan fauna, ekonomi dan tradisi.

The latest series of Malaysian banknotes draws its inspiration from elements which distinctively define the country's diverse culture, heritage and nature. Themed 'Distinctively Malaysia', the fourth series of Malaysian banknotes features traditional expressions in the art and craft, natural wonders, flora and fauna, economy and tradition.

### Ciri-ciri Am:

Pada bahagian hadapan semua denominasi wang kertas, telah dikekalkan potret Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad, bunga kebangsaan iaitu bunga raya *Rosa-sinensis* (dikenali sebagai Bunga Raya dalam kalangan penduduk tempatan) dan corak songket kain tenunan tradisional.

Bahagian belakang setiap denominasi wang kertas memaparkan ciri-ciri alam semula jadi, tradisi, budaya, flora, fauna dan ekonomi yang khusus bagi Malaysia.

### Common Features:

On the obverse side, all banknote denominations in the new series retain the portrait of the first Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad, the national flower *Rosa-sinensis* hibiscus (known locally as the 'Bunga Raya') and patterns of traditional woven fabric - the 'songket'.

The reverse side of each banknote denomination features different elements of nature, tradition, culture, flora, fauna and the economy that are distinctively Malaysian.



**Wang Polimer RM5**  
**Hidupan Liar** – Burung Enggang Badak (*Buceros rhinoceros*), iaitu salah satu spesies burung enggang terbesar dan paling mengagumkan di dunia dipaparkan pada wang polimer RM5 baharu. Burung hutan yang menarik, bersayap lebar dan berekor panjang yang boleh ditemui dalam kelompok kecil di hutan hujan di seluruh negara ini memainkan peranan penting dalam budaya dan upacara tradisional negeri Sarawak.



**RM5 Polymer Banknote**  
**Wildlife** – Featured on the new RM5 polymer banknote is the Rhinoceros Hornbill (*Buceros rhinoceros*), one of the largest and most magnificent hornbill species in the world. Found in low densities throughout various rainforests in the country, this beautiful, broad-winged and long-tailed forest bird plays an important role in the customs and traditional ceremonies in Sarawak.

## WANG KERTAS MALAYSIA SIRI BAHARU NEW SERIES OF MALAYSIAN BANKNOTES



[www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)



**Wang Polimer RM1**  
**Sukan Tradisional** – Permainan wau merupakan sukan tradisional yang popular di Malaysia terutamanya di Kelantan dan Terengganu. Permainan wau juga secara tradisinya merupakan suatu acara untuk meraikan hasil tuaian yang baik yang merapatkan masyarakat tempatan negeri-negeri tersebut. Wau Bulan adalah antara wau Malaysia yang terkenal dan paling ikonik, dan dipaparkan pada wang polimer RM1 baharu.



**RM1 Polymer Banknote**  
**Traditional Sport** – Kite-flying is a popular traditional sport in Malaysia especially in Kelantan and Terengganu. Kite-flying is also traditionally a celebration of a good harvest which brings together the local communities in these states. Amongst the best-known and most iconic Malaysian kites is the 'Wau Bulan' or Moon Kite which is featured on the new RM1.



**Wang Kertas RM10**  
**Flora** – Hutan tropika Malaysia yang tumbuh subur mempunyai berjenis-jenis pokok berbunga dan antara yang paling ikonik ialah bunga yang terbesar di dunia iaitu Rafflesia. Spesies *Rafflesia Azlanii* yang dipaparkan pada wang kertas RM10 baharu ini merupakan spesies asli Semenanjung Malaysia dan mula-mula sekali ditemui di Hutan Simpan Royal Belum di negeri Perak pada tahun 2003.



**RM10 Banknote**  
**Flora** – Malaysia's lush tropical jungle, is home to a spectacular variety of flowering plants. Most iconic amongst them is the Rafflesia, the world's largest flower. The *Rafflesia Azlanii* species featured on the new RM10 banknote is indigenous to Peninsular Malaysia and was first discovered in the Royal Belum Forest Reserve of the state of Perak in 2003.



**Wang Kertas RM20**  
**Hidupan Laut** – Dua spesies penyu terkenal dan hanya dijumpai di perairan Malaysia iaitu Penyu Karah (*Eretmochelys imbricata*) dan Penyu Belimbing (*Dermochelys coriacea*), yang juga merupakan lambang hidupan laut yang pelbagai dan berwarna-warni di perairan tropika kita, dipaparkan pada wang kertas RM20 baharu.



**RM20 Banknote**  
**Marine Life** – As ambassadors of the rich and colourful marine life found in our tropical waters, two of the most well-known species of sea turtles endemic to Malaysian waters are on the new RM20 banknote – the Hawksbill Turtle (*Eretmochelys imbricata*) and Leatherback Turtle (*Dermochelys coriacea*).



**Wang Kertas RM50**  
**Pertanian dan Teknologi** – Kelapa sawit dan bioteknologi dipaparkan pada wang kertas RM50 sebagai ikon ekonomi Malaysia yang berkembang maju. Kelapa sawit telah menjadi tanaman pertanian negara yang paling utama daripada segi ekonomi kerana Malaysia merupakan salah satu pengeluar dan pengeksport terbesar kelapa sawit di dunia. Bioteknologi terus meningkatkan kedudukan komoditi ini dalam rantai nilai, menyokong transformasi ekonomi negara ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi.



**RM50 Banknote**  
**Agriculture and Technology** – Oil palm and biotechnology are featured on the RM50 banknote as Malaysia's thriving economy icons. Malaysia is one of the largest producers and exporters of palm oil in the world. Biotechnology continues to drive this commodity up the value chain, supporting the nation's economic transformation towards higher value-added activities.



**Wang Kertas RM100**  
**Keajaiban Alam Semula Jadi** – Dua keajaiban alam semula jadi terkemuka negara dipaparkan pada wang kertas RM100. Keajaiban alam semula jadi yang mengagumkan ini ialah Taman Kinabalu di Sabah, dengan Gunung Kinabalu yang hebat dan agung (iaitu gunung tertinggi di Asia Tenggara) dan pembentukan batu mercu batu kapur yang menakjubkan di lembah Gunung Api, yang ditemui di Taman Negara Mulu di Sarawak.



**RM100 Banknote**  
**Natural Wonders** – Malaysia's two prominent natural wonders are portrayed on the RM100 banknote. These are the Kinabalu Park in Sabah, home to the majestic Mount Kinabalu (the highest mountain in Southeast Asia) and the spectacular limestone pinnacle rock formations of Gunung Api valley, found within the Mulu National Park in Sarawak.